

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang melahirkan rakyat Malaysia yang boleh bertutur dalam pelbagai bahasa lain selain dari Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Ibunda mereka. Jika telah ada usaha ke arah ini, apa kejayaannya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menawarkan mata pelajaran bahasa antarabangsa iaitu Bahasa Perancis, Bahasa Jepun, Bahasa Jerman, Bahasa Korea, Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Cina Komunikasi sebagai mata pelajaran elektif. Mata pelajaran ini ditawarkan kepada semua murid di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SBP) yang terpilih bermula daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Kemahiran berbahasa yang diajar adalah kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis yang merupakan teras kepada penguasaan bahasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menilai keberkesanannya penguasaan murid dalam semua mata pelajaran tersebut, KPM melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Murid Tingkatan 5 menduduki Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (UPBA) bagi bahasa Jepun dan bahasa Jerman. Mengikut rekod semasa, murid yang lulus dalam UPBA Bahasa Jepun tahun 2020 adalah melebihi 60 peratus. Bagi UPBA bahasa Jerman tahun 2020 pula, murid yang lulus adalah melebihi 98 peratus. Selain itu, murid yang mengambil bahasa Perancis pula menduduki *Diplôme d'Étude en Langue Française (DELF)*. Bagi tahun 2019, keputusan ujian ini menunjukkan bahawa 95.4 peratus murid telah lulus.

Selain pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, penguasaan bahasa ini diperkuuhkan melalui penyertaan murid dalam pelbagai program sokongan dan aktiviti pendidikan yang dianjurkan oleh KPM dan agensi luar seperti, Japan Foundation, Goethe-Institut, Alliance Française, Sejong Institute dan lain-lain pada peringkat antarabangsa.

Mempelajari pelbagai bahasa ini dapat mendedahkan murid dengan aspek Kewarganegaraan Global seterusnya meningkatkan jati diri dan semangat patriotisme serta rasa kecintaan kepada budaya sendiri.